

A Tulis A untuk kata kerja transitif dan B untuk kata kerja tak transitif bagi perkataan yang bergaris.

- 1 Hannah menyapu lantai. ☐
- 2 Mereka sedang bergaduh. ☐
- 3 Bapa sedang menyabit rumput di belakang rumah. ☐
- 4 Ayam jantan berkokok pada setiap pagi. ☐
- 5 Kakak mengelap meja selepas makan. ☐
- 6 Rosa mengetuk pintu sebelum masuk ke dalam bilik guru. ☐
- 7 Puan Nurul sedang menjemur pakaian. ☐
- 8 Kar Beng bersembunyi di belakang pintu. ☐
- 9 Sze Ling suka mengarang cerpen pada masa lapang. ☐
- 10 Julie melukis gambar untuk adiknya. ☐
- 11 Encik Lee sekeluarga melancong ke Sarawak. ☐
- 12 Mereka ketawa selepas mendengar cerita itu. ☐

Kosa Kata 词汇

menyapu 扫	menyabit 割 (草)	mengetuk 敲 (门)	mengarang 写作	ketawa 笑
bergaduh 吵架	mengelap 抹	bersembunyi 躲藏	melukis 画	

B Garisi kata kerja, kemudian tandakan ✓ jika kata kerja transitif dan X jika kata kerja tak transitif.

- 1 Karim menerima sepucuk surat daripada sahabatnya. ☐
- 2 Beberapa ekor itik sedang berenang di dalam kolam. ☐
- 3 Banyak orang bersiar-siar di taman bunga. ☐
- 4 Bapa mengerat kayu dengan kapak. ☐